

KENYATAAN AKHBAR

ICW 2020: PELAN STRATEGIK LIMA TAHUN KE ARAH MEREVOLUSI INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA DILANCARKAN

Malaysia disasarkan menjadi peneraju utama revolusi pembinaan di Asia Tenggara pada Persidangan Maya CR4.0

Kuala Lumpur, 17 November – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini buat pertama kalinya merasmikan **Minggu Pembinaan Antarabangsa 2020 (ICW 2020) & ASEAN Super 8 Virtual Connect** yang memberi fokus kepada perbincangan antara pemimpin berwawasan dalam pelbagai bidang pembinaan **secara maya** sebagai **persediaan kepada merevolusi industri pembinaan Malaysia**.

Majlis yang diadakan sepenuhnya secara maya selepas 22 tahun, turut menyaksikan pelancaran **Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (CR4.0)** iaitu pelan lima tahun yang bermatlamat mengubah landskap pembinaan Malaysia ke arah pembinaan pintar, mampan dan progresif selain menjadi **peneraju utama revolusi pembinaan di Asia Tenggara**.

Menteri Kanan (Infrastruktur) Menteri Kerja Raya Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof berkata, tema ICW pada tahun ini ***Embracing Construction Revolution*** bakal menyaksikan sektor pembinaan pada masa hadapan semakin kompleks dan perlu berasimilasi dengan teknologi terkini disamping mengelak kebergantungan penuh kepada penggunaan tenaga kerja kurang mahir yang berproduktiviti rendah.

Pelancaran CR4.0 pada tahun ini, adalah bertepatan dengan situasi pandemik global Covid-19 yang terus meningkat di seluruh dunia dilihat telah mempercepatkan lagi proses revolusi teknologi dalam semua sektor termasuk pembinaan.

Malah, semakin banyak syarikat mula melakukan inovasi dalam proses kerja harian mereka termasuk membuat pelaburan besar semata-mata untuk mengadaptasi teknologi digital dalam urusan harian dan perniagaan mereka di masa hadapan.

“Trend norma baharu ini bukan lagi arahan kerajaan semata-mata, malah telah mengubah cara manusia berfikir dan bertindak. Sekiranya peneraju industri pembinaan ingin meneruskan survival mereka dalam situasi yang kompetitif ini bersedia lah mengadaptasi revolusi digital dalam cara berfikir dan urusan perniagaan masing-masing,” katanya.

Tentang CR4.0

Pelan Strategik CR4.0 yang akan menjadi peneraju utama revolusi pembinaan di Asia Tenggara menghimpunkan kesemua teknologi terkini seperti Kepintaran Buatan atau *Artificial Intelligence (AI)*, Realiti Berperantara (*Augmented Reality (AR)*) dan percetakan 3 Dimensi (*3D printing*) dalam semua proses pembinaan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

CR4.0 juga bermatlamat mengubah landskap industri pembinaan Malaysia untuk mengadaptasi kesemua pembinaan pintar demi kesejahteraan rakyat di masa hadaa.

Terdapat empat pemacu utama CR4.0 iaitu Individu (*People*), Integrasi Teknologi (*Integrated Technology*), Kerajaan (*Government*) dan Ekonomi (*Economy*) yang disokong oleh empat teras strategik utama CR4.0 iaitu:

- i. *Development Capacity*
- ii. *Excellence in research, Innovation, commercialisation and entrepreneurship.*
- iii. *Smart Integrated Technologies, Innovation and Infrastructure*
- iv. *Enhanced business environment*

ICW 2020 & ASEAN SUPER 8 VIRTUAL CONNECT

ICW 2020 menjadi tuan rumah kepada profesional industri daripada komuniti pembinaan antarabangsa untuk bertemu dan berkongsi idea. Lebih 50 peserta mempamerkan produk, teknologi, projek dan juga menjalin perkongsian baru di **ASEAN Super 8**, pameran virtual pertama di Malaysia.

Persidangan dan seminar utama yang dijadualkan pada ICW 2020 termasuk:

1. Persidangan Maya CR 4.0
2. Webinar percuma
3. Zon Teknologi Inovasi
4. *Virtual Connect Exhibition*

Pelbagai aktiviti lain juga diadakan sempena ICW 2020 bagi menarik minat mereka yang ingin menceburi industri pembinaan sebagai professional. Maklumat lanjut di www.icw.my atau www.super8asean.com

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
